

Parlimen: Usul Tangguh Sidang Dewan Rakyat Turut Ambil Maklum Tindakan Pihak Yang Dirujuk - Pandikar Amin
Bernama
28 Jun, 2012

KUALA LUMPUR, 28 Jun (Bernama) -- Setiap usul penangguhan sidang di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) yang dikemukakan oleh anggota Parlimen akan disemak, diteliti dan diambil maklum daripada pihak yang dirujuk sebelum diputuskan sama ada akan dibawa ke persidangan Dewan Rakyat atau sebaliknya.

Yang Dipertua Dewan Rakyat Tan Sri Pandikar Amin Mulia berkata walaupun ada perkara tertentu yang berhubung dengan kepentingan awam di dalam usul berkenaan, pihaknya akan terlebih dahulu menghubungi pihak berwajib berkaitan yang dirujuk di dalam usul bagi memastikan sama ada perkara itu telah diambil tindakan.

"Di bawah peraturan 18 (1), apabila kita membawa usul untuk merundingkan sesuatu hal yang berlaku melibatkan kepentingan orang ramai, yang mana antara lain tujuannya untuk mengambil minat kerajaan membuat tindakan segera.

"Di dalam hal ini apabila saya hubungi pihak berwajib, saya dimaklumkan bahawa pihak daripada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) telah pergi dan menemu bual pihak-pihak berkenaan...bermakna tindakan telah pun diambil," katanya dalam penjelasan kepada Er Teck Hwa (DAP-Bakri) berhubung penolakan usul beliau pada sidang Dewan Rakyat di sini, hari ini.

Usul Er bagi membincangkan dakwaan tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) didera dan mahu sebuah suruhanjaya siasatan ditubuhkan bagi menyiasat kes itu serta mengapa mereka tidak dibebaskan apabila ISA dimansuhkan, telah ditolak di dalam kamar.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=676625>